



**KERTAS KERJA
PROGRAM MOTIVASI KECEMERLANGAN DIRI:
BANGKIT 2020**

TARIKH

03 SEPTEMBER 2020

TEMPAT

**DEWAN SRI KUMALA
SMK BUM-BUM, SEMPORNA
SABAH**

ANJURAN

**UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING
SMK BUM-BUM SEMPORNA**

TEMA

“MINDA SIHAT, AKADEMIK CEMERLANG”

1.0 PENGENALAN

Tahun 2020 satu tahun yang begitu dinanti dengan pelbagai perkara positif ingin di capai. Namun ternyata sebaliknya dalam cabaran dunia mendepani Pandemik COVID19 membuatkan rutin umum mengalami perubahan secara mendadak dan salah satu aspek pendidikan juga terkesan dengan semua ini.

Maka perubahan tersebut terpaksa dibiasakan dengan pelbagai cara dan tidak semua mampu melaluinya seperti diharapkan dengan kekangan-kekangan tertentu. Isu terbesarnya adalah perjuangan tetap kena diteruskan juga.

Dari kami selaku pengendali program pembangunan pelajar mengambil inisiatif dengan permasalahan yang ada dibawa secara kolektif sebagai pemudahcara dalam membantu pihak sekolah terutama guru-guru dalam berusaha memberikan yang terbaik. Dengan itu kami membuat penambahbaikan modul pembelajaran yang dinamakan sebagai 'BANGKIT 2020!'

Menyedari isu-isu dikalangan pelajar semasa tempoh pembelajaran secara maya dari rumah, pengawalan emosi yang terjejas di samping daya motivasi menurun mendadak maka kerana itu kami tampil dengan penuh komited membantu dengan kepakaran bersama pihak pentadbiran dan guru-guru di sekolah.

Kami percaya semua usaha ini tidak akan menjadikan kenyataan jika bersendirian sahaja membantu namun bila bersama-sama dari pelbagai kekuatan ianya akan lebih mudah dan lebih bermakna lagi.

2.0 MATLAMAT

Pengurusan emosi yang baik akan memberi kesan yang positif. Matlamat program ini dianjurkan adalah untuk meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan 6. Seterusnya dapat memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan kemahiran belajar dengan mudah serta mengembalikan semangat pelajar dalam menempuhi haluan kehidupan pada masa akan datang

3.0 TARIKH/ MASA/ TEMPAT

03 September 2020 mengikut tentatif program, pada jam 07.00am hingga 12.30pm yang bertempat di Dewan Sri Kumala, SMK Bum-Bum Semporna.

4.0 SASARAN

Semua murid Tingkatan 6 (Semester 3) yang memerlukan motivasi untuk meningkatkan kecemerlangan diri.

5.0 OBJEKTIF

- 5.1 KEMBALIKAN MAKNA ‘MOTIVATION’ DALAM DIRI. Secara umum MOTIVE bermaksud (SEBAB) dan ACTION adalah (TINDAKAN). Maka sebab (WHY) yang jelas akan membantu aspek teknikal serta tindakan (HOW) yang betul dalam kejayaan (WHAT) yang diinginkan
- 5.2 MEMBINA MATLAMAT KEJAYAAN DIRI sebagai teras penting kejayaan seseorang yang bermula dari matlamat yang jelas. Matlamat perlukan sikap ketara sedar dalam diri untuk menentukan secara serius apa yang ingin dicapai.
- 5.3 MENGEMBALIKAN & MENINGKATKAN DAYA EMOSI POSITIF kepada diri selepas melalui rutin berbeza yang membuatkan emosi pelajar di rumah agak terjejas dalam membiasakan Norma Baru dalam segala segi.
- 5.4 KUASAI KEMAHIRAN BELAJAR MUDAH yang akan membantu para pelajar dalam aspek teknikal bagi melalui baki masa yang semakin genting dalam persiapan menghadapi peperiksaan yang bakal menjelang tidak lama lagi.

6.0 KPI

Output	Murid dapat membina semula motivasi untuk belajar dan lebih bersedia dalam menempuhi pengajian semester 3
Outcome	Murid dapat mengamalkan panduan belajar dengan mudah seterusnya dapat mengembalikan dan meningkatkan daya emosi yang positif untuk menggapai matlamat kejayaan dikecapi.

7.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

<u>SUMBER</u>	<u>PERBELANJAAN</u>	<u>KUANTITI</u>	<u>HARGA SEUNIT</u>	<u>JUMLAH</u>
PCG B&K	Banner Program	1	RM 150.00	RM 150.00
PCG B&K	Bayaran Penceramah	1	RM 1200.00	RM 1200.00
JUMLAH				RM 1350.00

8.0 AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi : Tuan Haji Johan Bin Haji Okasa
(Pengetua)

Naib Pengerusi 1 : En. Jaafar Bin Payasan
(Penolong Kanan Tingkatan 6)

Naib Pengerusi 2 : En. Hamjah Bin Im. Marabau
(Penolong Kanan Hal Ehwal Murid)

Naib Pengerusi 3 : Pn. Aminah Binti Janowin
(Penolong Kanan Pentadbiran)

Naib Pengerusi 4 : En. Ismail. Bin Sapie
(Penolong Kanan Kokurikulum)

Naib Pengerusi 5 : En. Jasman Bin Malam
(Penolong Kanan Petang)

Penyelaras 1 : En. Shafaruddin Bin Kapaluddin
(Guru Bimbingan & Kaunseling)

Penyelaras 2 : En. Uttumanis Bin Kalling
(Guru Bimbingan & Kaunseling)

Setiausaha : Pn. Elyanah Binti Mohammad Yahyah
(Guru Bimbingan & Kaunseling)

Bendahari : Pn. Noor Fadzillah Binti Mohd Nazeer
(Guru Bimbingan & Kaunseling)

AJK : Noridah Binti Muhammad
(Kaunselor Pelatih)

9.0 STRATEGI PERLAKSANAAN

Unit Bimbingan Dan Kaunseling

Urusetia

10.0 TENTATIF

Rujuk Lamoiran 1

11.0 PENGURUSAN RISIKO

Risiko	Punca	Penyelesaian	Tanggungjawab
Peserta tidak turut serta dalam Program Motivasi Kecemerlangan Diri. BANGKIT 2020!	Murid mempunyai kekangan masa	Mengingatkan murid setiap hari oleh guru bertugas dan GBK	Guru bertugas harian dan Guru bimbingan Dan Kaunseling (GBK)

12.0 PENUTUP

Diharapkan menerusi pengisian aktiviti dalam program ini akan memberikan beribu makna terhadap pelajar-pelajar tingkatan 6, Sekolah Menengah Kebangsaan Bum-Bum, Semporna. Saya memohon pertimbangan agar program ini dapat di luluskan demi kemenjadian anak-anak bangsa sekaligus dapat merealisasikan harapan Kementerian Pendidikan Malaysia yang melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).

Disediakan oleh,

Disokong oleh,

Diluluskan oleh,

.....
(EN. SHAFARUDDIN BIN KAPALUDDIN)
Guru Bimbingan & Kaunseling
Unit Bimbingan & Kaunseling.
SMK Bum-Bum, Semporna

.....
(EN. JASMAN BIN MALAM)
Pen. Kanan Petang
SMK Bum-Bum, Semporna

.....
(TN. HJ. JOHAN BIN HJ. OKASA)
Pengetua
SMK Bum-Bum, Semporna

LAMPIRAN 1**TENTATIF PROGRAM
CADANGAN PENGISIAN MODUL BANGKIT 2020**

BIL	TARIKH / HARI	PERISTIWA	CATATAN
1	0745	PENGENALAN PROGRAM	
2	0800	SLOT 1 : MEMBUKA MINDA KEJAYAAN	<ul style="list-style-type: none">- Halangan Minda Berjaya & Kegagalan.- Usah Membangau Lagi (Usah Memberi Alasan)
3	0830	SLOT 2 : KUASA MATLAMAT DIRI (WHAT)	<ul style="list-style-type: none">- Membina KESEDARAN DIRI kepada matlamat- Membina MATLAMAT KEHIDUPAN dengan jelas- FORMULA : MATLAMAT JELAS & TINDAKAN TEPAT
4	0930	REHAT (MINUM PAGI)	
5	1000	SLOT 3 : KEMAHIRAN BELAJAR MUDAH! (HOW)	<ul style="list-style-type: none">- Memahami Kecenderungan Diri (Visual, Auditori & Kinestetik)- Kenali Otak sebagai 'RAM Operation'- Peranan Otak Kiri & Otak Kanan<ul style="list-style-type: none">- 7 LANGKAH BELAJAR MUDAH!- Konsep Power Note! (NOTA CEPAT & EFEKTIF)- Konsep Power Revision! (Ulang Kaji Berkesan)- Creative Learning Concept : Input & Output Learning.<ul style="list-style-type: none">- 7 Kesalahan SEBELUM, SEMASA & SELEPAS belajar.
6	1200	SLOT 4 : CEMERLANG ITU PILIHAN SAYA! (WHY)	<ul style="list-style-type: none">- Kemahiran Membina Pelan Tindakan :- KONSEP SUMO (SHUT UP & MOVE ON!)- BANGKIT 2020! : PILIHAN VS NASIB
7	1230	MAJLIS PERASMIAN PENUTUP	
8	1245	SESI BERGAMBAR & BERSURAI	

